



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

STATISTIK PELABURAN LANGSUNG ASING DI MALAYSIA (FDI) DAN PELABURAN LANGSUNG MALAYSIA DI LUAR NEGERI (DIA) 2025

Malaysia merekodkan FDI sebanyak RM65.9 bilion, didorong oleh pertumbuhan ICT seiring dengan digitalisasi global

PUTRAJAYA, 24 JUN 2026 – Pelaburan asing di Malaysia merekodkan aliran masuk bersih RM65.9 bilion pada 2025, manakala syarikat Malaysia terus mengembangkan pelaburan di peringkat antarabangsa dengan aliran keluar bersih RM12.4 bilion bagi pelaburan di luar negeri. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini dalam keluaran **Statistik Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia dan Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) bagi tahun 2025**. Statistik tersebut menerangkan transaksi berkaitan pelaburan Malaysia dengan luar negara dalam bentuk instrumen kewangan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan “FDI merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM65.9 bilion pada tahun 2025, peningkatan sebanyak 41.2 peratus daripada RM46.7 bilion pada tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh suntikan ekuiti daripada pelabur asing serta aliran masuk dalam instrumen hutang. Mencerminkan keyakinan berterusan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia, kedudukan FDI terkumpul meningkat kepada RM1,087.9 bilion pada akhir tahun 2025, iaitu 53.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berbanding 51.4 peratus pada tahun 2024”.

Dari segi pelaburan ke luar negeri, DIA Malaysia merekodkan aliran keluar bersih sebanyak RM12.4 bilion pada tahun 2025, berkurang daripada RM35.5 bilion pada tahun sebelumnya. Susulan itu, jumlah kedudukan DIA berada pada jumlah RM589.3 bilion pada akhir tahun 2025, mewakili 29.1 peratus daripada KDNK (2024: 32.2 peratus). Seajar dengan itu, pelaburan ini turut menjana pulangan pendapatan sepanjang tahun tersebut, dengan syarikat asing yang beroperasi di Malaysia mencatatkan pendapatan sebanyak RM98.2 bilion, manakala perusahaan Malaysia di luar negara merekodkan pendapatan sebanyak RM39.9 bilion.

Melihat kepada komposisi aliran FDI mengikut sektor, sektor Perkhidmatan merupakan penerima utama pada tahun 2025, merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM59.5 bilion. Diikuti dengan sektor Perlombongan & pengkuarian berjumlah RM3.0 bilion dan Pembuatan sebanyak RM2.6 bilion. Dalam sektor

Perkhidmatan, subsektor Maklumat & komunikasi menyumbang sebahagian besar sebanyak 53.6 peratus daripada keseluruhan jumlah perkhidmatan, mencerminkan peralihan global ke arah pendigitalan dan peningkatan infrastruktur pusat data. Selain itu, aktiviti Kewangan juga mencatatkan aliran masuk yang ketara sebanyak RM26.1 bilion, disokong oleh keyakinan pelabur yang berterusan terhadap landskap kewangan Malaysia. Sementara itu, sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan FDI, menjana RM55.5 bilion. Sehingga akhir tahun 2025, kedua-dua sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mengekalkan kedudukan tertinggi dalam stok FDI di Malaysia dengan masing-masing bernilai RM596.7 bilion dan RM419.3 bilion.

Dari perspektif geografi, rantau Asia kekal sebagai sumber utama aliran masuk FDI pada tahun 2025 dengan nilai RM73.2 bilion. Rantau ini juga terus mencatatkan sebagai penyumbang terbesar dalam kedudukan FDI Malaysia, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM679.2 bilion pada akhir tahun 2025. Bagi rantau Asia, Singapura dan Hong Kong merupakan negara sumber utama bagi FDI. Sementara itu, rantau Amerika muncul sebagai rantau utama dari segi pendapatan FDI dengan nilai RM45.6 bilion, dengan Amerika Syarikat sebagai pelabur utama.

Mengulas lanjut mengenai pelaburan Malaysia di luar negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Aliran keluar bersih DIA pada tahun 2025 sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan dengan nilai sebanyak RM15.6 bilion, terutamanya dalam aktiviti Kewangan dan subsektor Pengangkutan. Sektor ini juga mencatatkan bahagian terbesar bagi pendapatan DIA, berjumlah RM25.3 bilion, diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian RM7.8 bilion. Begitu juga, sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama kepada kedudukan DIA dengan nilai terkumpul sebanyak RM440.2 bilion, manakala diikuti dengan Perlombongan & pengkuarian RM68.9 bilion".

Dalam konteks agihan mengikut rantau, Afrika merupakan destinasi utama aliran DIA pada tahun 2025 dengan nilai RM7.0 bilion, dengan sebahagian besar pelaburan tertumpu dalam industri minyak dan gas. Sementara itu, Asia mencatatkan pendapatan DIA tertinggi sebanyak RM22.8 bilion dan kekal sebagai rantau terbesar dari segi kedudukan DIA, berjumlah RM339.0 bilion pada akhir tahun 2025.


Secara purata, pulangan atas pelaburan (ROI) bagi syarikat FDI adalah sebanyak RM0.09 bagi setiap RM1.00 yang dilaburkan. Manakala, syarikat Malaysia memperoleh RM0.07 bagi setiap RM1.00 pelaburan yang dibuat di luar negeri.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Prestasi pelaburan Malaysia, 2010 – 2025




Paparan 1: Pelaburan Langsung Malaysia, 2025



Paparan 2: FDI mengikut Negara dan Sektor Utama, 2025



Paparan 3: DIA mengikut Negara dan Sektor Utama, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 JUN 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

STATISTICS OF FOREIGN DIRECT INVESTMENT (FDI) IN MALAYSIA AND MALAYSIA'S DIRECT INVESTMENT ABROAD (DIA) 2025

Malaysia recorded RM65.9 billion in FDI, driven by ICT growth amid global digitalisation

PUTRAJAYA, 24 JUNE 2026 – Foreign investment into Malaysia recorded net inflows of RM65.9 billion in 2025, while Malaysian companies continued expanding international footprint with net outflows of RM12.4 billion in investment abroad. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **Statistics of Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia** and **Malaysia's Direct Investment Abroad (DIA) for 2025**. The statistics describe investment transactions with the rest of the world in the form of financial instruments.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician of Malaysia stated, "FDI recorded a net inflow of RM65.9 billion in 2025, an increase of 41.2 per cent from RM46.7 billion in the previous year. The performance was underpinned by both equity injections from foreign investors and inflows in debt instruments. Reflecting the sustained confidence of foreign investors in Malaysia's economy, the cumulative FDI position expanded to RM1,087.9 billion at the end of 2025, accounting for 53.7 per cent of Gross Domestic Product (GDP) as against 51.4 per cent in 2024."

In terms of outward investment, Malaysia's DIA recorded net outflows of RM12.4 billion in 2025, moderating from RM35.5 billion in the previous year. Subsequently, the total DIA position stood at RM589.3 billion as at the end of 2025, representing 29.1 per cent of GDP (2024: 32.2 per cent). Correspondingly, these investments generated income returns during the year, whereby foreign companies operating in Malaysia posted RM98.2 billion, while Malaysian enterprises abroad recorded earnings of RM39.9 billion.

Looking at FDI flows composition by sector, the Services was the top recipient in 2025, recording a net inflow of RM59.5 billion. Trailing behind were Mining & quarrying sector with RM3.0 billion and Manufacturing RM2.6 billion. Within the Services sector, Information & communication sub-sector attracted the largest share 53.6 per cent of total services, reflecting the global shift toward digitalisation and the expansion of data

centre infrastructure. In addition, the Financial activities also registered notable inflows of RM26.1 billion, supported by continued investor confidence in Malaysia's financial landscape. Meanwhile, the Manufacturing sector was the leading contributor to FDI income, generating RM55.5 billion. As at the end of 2025, both Services and Manufacturing sectors maintained high positions in Malaysia's FDI stock, valued at RM596.7 billion and RM419.3 billion, respectively.

From a geographical perspective, the Asia region remained the largest source of FDI inflows in 2025 with a value of RM73.2 billion. This region also continued to account for the largest share of Malaysia's FDI position, with a total investment of RM679.2 billion as at the end of 2025. Within the Asia region, Singapore and Hong Kong were the main source countries for FDI. Meanwhile, the Americas emerged as the leading region in terms of FDI income with RM45.6 billion, with the United States of America as the main investor.

Commenting further on Malaysia's investments abroad, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The net outflows of DIA in 2025 were largely attributed by the Services sector with a value of RM15.6 billion, mainly in Financial activities and Transportation sub-sector. This sector also accounted for the largest share of income, totalling RM25.3 billion, followed by Mining & quarrying RM7.8 billion. Similarly, the Services sector remained the major contributor to DIA position with a cumulative value of RM440.2 billion, while Mining & quarrying followed at RM68.9 billion".

In the context of regional distribution, Africa was the main destination of DIA flows in 2025 with a value of RM7.0 billion, with investments largely concentrated in the oil and gas industry. Meanwhile, Asia recorded as the highest DIA income at RM22.8 billion and remained the largest region in terms of DIA position, amounting to RM339.0 billion as at the end of 2025.

On average, the return on investment (ROI) for FDI companies was RM0.09 for every RM1.00 invested. Concurrently, Malaysian companies earned RM0.07 for every RM1.00 of investment made abroad.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed **"Data Nadi Ekonomi Rakyat"**. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Malaysia's investment performance, 2010 – 2025




Exhibit 1: Direct investment of Malaysia, 2025




Exhibit 2: FDI by Major Countries and Sectors, 2025





Exhibit 3: DIA by Major Countries and Sectors, 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24 JUNE 2026